

Kami pernah 'bertengkar' sampai 3 pagi

UM 31/10/2003 - 9 PRECISE

Oleh ROZILAN SALLEH

"BERCAKAP fasal Dr. Mahathir hendak bersara, saya cukup sayu, makin hampir dia bersara, lagi saya rasa sayu.

"Saya suarakan perasaan saya ini kepada Dr. Siti Hasmah," luah Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Tidaklah menghairankan sekiranya rasa sayu itu menyelubungi Megat Junid yang sekian lama begitu rapat mendampingi Dr. Mahathir.

Malahan ketika disaat-saat akhir ini, beliau cuba menjauhkan diri daripada Dr. Mahathir terutamanya pada majlis-majlis yang dihadiri ramai jempunan.

Bukan disebabkan Dr. Mahathir akan bersara daripada menjadi Perdana Menteri, tetapi kerana tidak mahu masyarakat memandang serong terhadapnya dengan beranggapan sentiasa mahu 'menghimpit' Dr. Mahathir.

Sememangnya Megat Junid bukanlah orang asing kepada Dr. Mahathir memandangkan hubungan rapatnya dengan pemimpin yang melepaskan jawatan setelah 22 tahun menerajui negara pada 31 Oktober ini.

"Bila timbul perasaan sayu macam ini, saya teringatlah macam mana saya bertengkar dengan Dr. Mahathir pada awal tahun 1970-an di kliniknya di Alor Star.

Ketika itu dia disingkir dari UMNO, bukan bertengkar macam mana tetapi menegakkan pendapat masing-masing.

"Saya teringat lagi kami sama-sama pergi ke Kuala Nerang, beli buah durian, bawa balik ke Titi Gajah dan makan.

"Lepas itu bertengkar balik hinggakan satu malam sampai pukul 3 pagi, Dr. Siti Hasmah terjaga dari tidur dan terkejut melihat kami tidak habis-habis bertengkar lagi.

"Sampai begitu sekali fasal masa itu Dr. Mahathir tiada siapa lagi, setelah disingkir dari UMNO," jelasnya mengimbau kenangan bersama Perdana Menteri. Ketika itu, Megat Junid masih seorang guru di Sekolah Kebangsaan Teluk Kecai, Alor Star.

Hubungan rapat dengan kedua-duanya berterusan sehingga Dr. Mahathir dilantik Menteri Pelajaran pada 1974 dan Megat Junid pula turut menjadi penulis ucapan Dr. Mahathir.

Setahun kemudiannya beliau menerima tawaran sebagai Pegawai Khas kepada Dr. Mahathir dan kemudiannya sebagai setiausaha politiknya.

Dalam politik pula, beliau adalah Ketua Pemuda UMNO Bahagian Alor Star dan ketika itu Dr. Mahathir sendiri merupakan Ketua Bahagian.

Jawatan Setiausaha Politik itu disandanginya sehingga 1984 ketika Dr. Mahathir mula menerajui negara apabila beliau dilantik Timbalan Menteri Perusahaan Utama (1984-1986) dan seterusnya Timbalan Menteri Dalam Negeri (1986-1997).

"Saya juga masih ingat macam mana hari pertama Dr. Mahathir melapor diri sebagai Menteri Pelajaran di Rumah Persekutuan dengan keadaan bilik yang kecil sahaja.

"Dia datang dengan hanya memakai baju doktor yang biasa dipakai ketika bertugas sebelum



MEGAT JUNID

itu, begitu ringkasnya," ujarinya.

Megat Junid juga melihat Dr. Mahathir sebagai seorang ketua yang cukup luar biasa dengan sikapnya yang bukan sahaja tidak terburu-buru bertindak sekalipun sedang menghadapi pelbagai masalah, malahan tidak pernah meninggikan suara.

"Dr. Mahathir tidak pernah menengking. Kalau ada masalah, paling habis pun dia hanya mengerutkan muka sahaja.

"Saya juga tidak pernah melihat dia termenung kerana setiap masa ada sahaja yang dilakukannya termasuk membaca buku," katanya.

Sikap Dr. Mahathir yang sentiasa menepati masa menyebabkan Megat Junid terbawa-bawa dengan sifat itu.

Malahan dengan sikap itu juga, Megat Junid merasakan sebagai satu dosa sekiranya terlambat menghadiri sesuatu majlis.

"Sebagai pegawai dia, sesiapa sahaja yang bertugas dengannya perlu *alert* terutama dalam menepati masa.

"Saya cukup seronok kerja dalam tempoh lama dengan dia, sebagai Setiausaha Politik selama sembilan tahun, lepas itu Timbalan Menteri Dalam Negeri selama 11 tahun," katanya.

Ketika beliau memegang jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dr. Mahathir adalah 'bosnya' iaitu sebagai Menteri Dalam Negeri.

"Itulah dia sebagai idola saya daripada dulu lagi hingga sekarang," jelasnya.

Oleh itu, katanya, Dr. Mahathir memilih masa yang paling tepat untuk melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri iaitu ketika rakyat begitu menyayanginya.

"Bersara bila rakyat sudah benci, tiada makna kerana bersara bila rakyat sayang itu adalah nikmat paling besar.

"Kita telah lihat bagaimana pemimpin-pemimpin lain yang menempuh persaraan mereka dengan pelbagai cara.

"Macam mana Suharto (bekas Presiden Indonesia) setelah 32 tahun memerintah, bila bersara apa terjadi, begitu juga (Ferdinand) Marcos (bekas Presiden Filipina) yang sangat berkuasa tetapi bila bersara macam mana, sampai mayat hendak dibawa balik ke Filipina rakyat bantah," katanya.

Bagaimanapun keadaan itu berbeza dengan Dr. Mahathir di mana setiap tempat yang dilawatinya, pasti rakyat tidak akan melepaskan peluang sekurang-kurangnya bersalaman dengan pemimpin yang dihormati di peringkat antarabangsa itu.

"Pada saya ini adalah masa terbaik, bagi peluang dia *enjoy* persaraannya," katanya.